



WAKILISAN

KDN 7890



KELUARAN 19, 1995
JURNAL PERSATUAN SEJARAH MALAYSIA
CAWANGAN NEGERI SEMBILAN

KANDUNGAN

Kata-Kata Aluan oleh YAB. Dato' Seri Utama Tan Sri Haji Mohd. Isa bin Dato' Haji Abdul Samad, Menteri Besar Negeri Sembilan Darul Khusus	3
Kata-Kata Aluan oleh Tuan Pengarah Pendidikan Negeri Sembilan Darul Khusus	4
Kata-Kata Aluan oleh Tuan Haji Mohamed Hisa Tahat, Ketua Pengarang Jurnal WARISAN	5
Ahli Jawatankuasa Persatuan Sejarah Malaysia, Cawangan Negeri Sembilan.	6
1 Lawatan Penyelidikan Persatuan Sejarah Malaysia, Cawangan Negeri Sembilan ke India Selatan.	7
2 Kewujudan Agama Hindu Dan Sistem Kasta Dalam Masyarakat India, di India.	15
3 Pengislaman Penduduk Negeri Sembilan Kaitannya Dengan India	22
4 Institusi Raja Dan Keluarga Diraja Negeri Sembilan	28
5 Muzik Tradisional India	64
6 Sejarah Gemas	86



**DATO' SERI UTAMA TAN SRI
HAJI MOHD ISA BIN DATO' HAJI ABDUL SAMAD**
SPNS., PSM., DSNS., PMC
Menteri Besar Negeri Sembilan

PEJABAT MENTERI BESAR
TINGKAT 5B, WISMA NEGERI
70502 SEREMBAN



MENGIMBAS WARISAN SEJARAH KUNO

*W*saha berkesinambungan menerbitkan Jurnal Warisan Kelolaan Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Negeri Sembilan dengan menonjolkan pertalian sejarah masyarakat Islam dan wilayah asing pastinya memberikan manfaat kepada pencinta sejarah sekalian.

Wajar sekali imbasan dan kupasan ini dibuat dengan harapan agar kecenderungan untuk menoleh kembali kepentingan sejarah kuno dalam proses kehidupan hari ini mendatangkan kebaikan kepada kita semua.

Perhubungan dengan Wilayah India sebagai contoh bukanlah sekadar di bidang ekonomi, budaya dan pengaliran tenaga buruh sahaja tetapi merangkumi perkongsian di bidang agama khususnya Islam.

Asas-asas keagamaan yang diperkembangkan melalui kaedah mubaligh dan saudagar ternama di era tersebut telah mencetuskan semangat keakraban yang padu di kalangan kepimpinan dan masyarakat tempatan.

Semoga segala pengumpulan bahan dan fakta yang didatangkan dari tanah asing di samping bahan-bahan tempatan yang terkini dan mutakhir akan memperlengkapkan lagi "significant" dan fungsi sejarah dalam episod perjuangan bangsa masakini.

Salam Hormat.

A handwritten signature in black ink, appearing to read "Hj. Mohd. Isa" followed by "Dato' Hj. Abdul Samad". The signature is written over a diagonal line.

(Dato' Seri Utama Tan Sri Hj. Mohd. Isa b. Dato' Hj. Abdul Samad)



PENGARAH PENDIDIKAN NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS

KATA-KATA ALUAN

 Yukur Alhamdulillah, seperti yang dijanjikan penerbitan Jurnal Warisan Ke-19 berjaya dihasilkan. Penerbitan kali ini memuatkan empat artikel mengenai India Selatan yang dihubungkaitkan dengan Sejarah Nusantara secara umum dan sejarah Negeri Sembilan secara khusus iaitu hasil daripada Lawatan Penyelidikan Jawatankuasa PSMCNS ke Selatan India pada bulan Ogos 1994.

Adalah diharapkan usaha-usaha untuk menonjolkan pertalian sejarah Masyarakat Islam dan Wilayah Asing serta pengumpulan bahan dan fakta dari Tanah asing akan diteruskan melalui program-program Lawatan Penyelidikan oleh Ahli-ahli PSMCNS di semua peringkat sebagai wadah penulisan penerbitan Jurnal yang akan datang.

Ruangan 'Lorekan Remaja' pada penerbitan kali ini merupakan hasil penulisan tiga orang pelajar Sek. Men. Tuanku Abdul Rahman, Gemas, yang telah memenangi Tempat Pertama dalam Perfandingan Penulisan Kajian Sejarah Tempatan Sekolah Menengah Rendah 1995, anjuran Bahagian Sekolah, Kementerian Pendidikan Malaysia. Diucapkan syabas dan setinggi tahniah. Adalah diharapkan hasil penulisan kali ini dapat menyumbang ke arah usaha untuk menambah koleksi khazanah sejarah tanah air.

Akhir kata, kepada saudara-saudara penulis dalam 'Warisan' keluaran ini, diucapkan syabas, setinggi-tinggi tahniah dan terima kasih. Seterusnya 'Warisan' memerlukan sokongan berterusan daripada setiap individu yang cintakan sejarah, bangsa dan negara, khasnya Sejarah Negeri Sembilan.

Sekian.

Khamis bin Noye

Merangkap Pengurus Jawatankuasa Kerja PSM
Cawangan Negeri Sembilan



**PERSATUAN SEJARAH MALAYSIA
CAWANGAN NEGERI SEMBILAN**

DARI MEJA KETUA PENGARAH

*M*hamdulillah sekali lagi "Warisan" dilahirkan untuk keluaran kali ke 19. Sebagaimana yang telah dijanjikan "Warisan" kali ini mempaparkan rencana-rencana utama berkaitan dengan sejarah dan budaya orang-orang India Selatan. Penulisan-penulisan ini ditulis adalah berdasarkan bacaan, pemerhatian dan sedikit sebanyak kajian yang telah dilakukan oleh penulis-penulis hasil daripada lawatan mereka ke India Selatan anjuran Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Negeri Sembilan pada tahun 1994.

Lawatan tersebut dibuat dengan tujuan untuk mengenal lebih dekat lagi asal-usul sejarah dan budaya kaum India yang datang beramai-ramai ke Tanah Melayu pada awal kurun ke 20, berakar umbi dari Selatan India. Penulisan-penulisan ini diarakamkan supaya para pembaca dapat bersama-sama lebih mengenali masyarakat kaum India yang merupakan kaum ketiga ramainya di negara kita ini.

InsyaAllah dalam keluaran yang akan datang 'Warisan' akan memuatkan pula penulisan-penulisan mengenai sejarah, budaya dan perkembangan Islam di Negara China. Apakah keunikan dan rohsia bangsa yang pernah mewarisi salah satu tamadun yang tertua dan unggul di dunia. Sama-sama kita tunggu terbitan 'Warisan' ke 20 nanti.

Dalam segmen 'Lorekan Remaja' kali ini dimuatkan pula dengan penulisan Sejarah Tempatan yang telah memenangi hadiah pertama peringkat Kebangsaan bertajuk 'Sejarah Gemas' oleh kumpulan pelajar-pelajar Tingkatan Dua dari Sekolah Menengah Tuanku Abdul Rahman Gemas.

Terima Kasih

Mohd. Hisyam bin Tahat

Ketua Pengarang Jurnal Warisan PSM Cawangan Negeri Sembilan

**JAWATANKUASA PERSATUAN SEJARAH MALAYSIA
CAWANGAN NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS 1995-1996**

Yang Di Pertua

Dato' Seri Utama Tan Sri Haji Mohd. Isa bin Dato' Haji Abdul Samad
SPNS., PSM., DSNS., PMC
Menteri Besar Negeri Sembilan Darul Khusus

Naib Yang Di Pertua

Encik Khamis bin Noyo, AMN., PPT., ASDK., ADK
Pengarah Pendidikan Negeri Sembilan Darul Khusus

Setiausaha Kehormat

Tuan Haji Ismail bin Abdul Hadi, KMN., AMN., PMC., PJK

Penolong Setiausaha Kehormat

Encik Mahadi bin Abdul Rahman, PJK

Bendahari

Encik Tilak Raj Sharma, PJK

Ketua Pengarang

Tuan Haji Mohd. Hisa bin Tahat, PMC., PJK

Ahli-Ahli Jawatankuasa

Tuan Haji Hisham bin Haji Omar, AMN., PPT., PJK
Tuan Haji Mohd. Zain bin Haji Mohd. Rais, AMN., ANS., PMC., PJK
Tuan Haji Hussin bin Salleh, PMC
Tuan Haji Lajis bin Achil, PMC., BKT
Tuan Haji Sudin bin Kamari, AMN., PMC., PJK

SIDANG REDAKSI WARISAN KE-19

Pengerusi

Tuan Haji Hisham bin Haji Omar

Ketua Pengarang

Tuan Haji Mohd. Hisa bin Tahat

Editor


Tuan Haji Ismail bin Abdul Hadi

Puan Hajjah Zaini Omar

Tuan Haji Mohd. Misan bin Maslor

Setiausaha

Encik Mahadi bin Abdul Rahman



**KEWUJUDAN AGAMA HINDU DAN
SISTEM KASTA DALAM MASYARAKAT INDIA,
DI INDIA**

Oleh:
MOHAMAD HISYA TAHAT

Telah Membuat Lawatan Ke Sepuluh
Bandaraya India Selatan

Kebanyakan negara di dunia ini telah sama-sama mengalami penderitaan sama ada dilanda perperangan, dijajahi atau pun bencana alam, tetapi rata-rata negara-negara tersebut sudah sedikit sebanyak menerima perubahan ke arah lebih baik sama ada dalam bidang ekonomi, politik dan sosial. Tetapi Negara India tidak banyak berubah. Tujuh dari sepuluh orang penduduknya masih bergantung kepada pertanian yang rata-rata masih bercorak tradisional.

Jika manusia selalu mengalami kemalangan dan kesusahan, lambat laun ia akan dapat mencari cara-cara untuk mengatasinya, tetapi bagi India malapetakanya terlampaui dahsyat. Cuaca pada dasarnya mempengaruhi perangai sesuatu bangsa. Kalau di England yang berhawa sejuk menyebabkan orang-orangnya sentiasa cergas, hawa panas di India menjadikan orang-orangnya cepat lelah dan lesi dan sentiasa diselubungi kemalasan yang membawa budaya kemiskinan yang berwarisan. Tambah malang lagi India selalu menerima bencana alam yang dahsyat seperti kemarau yang panjang, banjir yang setinggi pucuk kelapa, ribut taufan, gempa bumi di samping pergaduhan kaum yang tidak berkesudahan.

Sejarah India bermula dari barat laut negara itu lebih kurang 3,000 tahun sebelum masih terdapat suatu kaum yang besar dan bertamadun menduduki di Lembah Indus yang subur itu.

Buktikewujudan tamadun ini telah dapat dibongkar sebahagian besarnya oleh ahli kaji purba telah berjaya mengesan dan menemui rangkaian kota-kota yang dipercayai dibina dan diruntuhkan sebanyak tujuh kali di Harappa, Daerah Punjab dan Mohenjo Daro, Daerah Sind. Tamadun yang bermutu tinggi ini dijangka muncul semasa dengan tamadun Mesir, Assyria dan Babylon.


Penduduk di kota-kota Lembah Indus ini dikatakan adalah saki baki orang-orang berkulit hitam yang berhidung pipeh yang tinggal di sini lima ratus tahun kemudian, orang-orang ini dikenal dengan nama "Dasyus Berkulit Hitam" nama yang diberi oleh kaum yang berkulit putih yang datang dari Asia Tengah menakluki orang-orang yang berkulit hitam ini. Kaum penakluk yang berkulit putih ini digelar 'Aryan'. Kaum Aryan ini dpercayai datang dari Asia Tengah masuk ke India, Yunani dan Eropah dan mengwujudkan tamadun yang bermutu tinggi. Antaranya ialah Kaum Aryan ini telah melahirkan Kumpulan Sastera yang tertua di dunia yang dipanggil Veda.

Dalam beberapa pertempuran dengan orang-orang Aryan orang kulit hitam telah hilang kuasa di Lembah Indus yang subur itu. Mereka berpecah-pecah lari menyelamatkan diri ke Timor, dan setengahnya mencari perlindungan di kaki-kaki Gunung Himalaya dan Vindhya atau lari melalui genting-genting gunung ke India Selatan

KEWUJUDAN AGAMA HINDU DAN KASTA

Penduduk-penduduk Kaum Aryan ini telah menduduki di dataran-dataran Utara dan kemudian ke kawasan Selatan India. Mereka telah membentuk tamadun dari penghidupan India yang lebih maju daripada bangsa-bangsa lain di dunia. Bahasa Sanskrit yang mereka bawa bersama telah melahirkan beberapa bahasa baru seperti bahasa Hindi, Marathi, Benggali dan Gujerati. Dalam pertemuan antara penakuk dengan yang ditakuk (Aryan dan orang-orang yang berkulit hitam) maka wujudlah agama dan masyarakat yang dipanggil Hindu.

*"Ugama Hindu bukan Ugama dalam erti kata sebenarnya tetapi adalah suatu cara penghidupan. Seperti yang ditunjuk oleh sejarahnya, Ugama Hindu dapat menyesuaikan dan menyerap keadaan semua kepercayaan dan petua, tidak pernah meng-wujudkan rumusan-rumusan yang tertentu".
(1)*



Pemandangan Di sebuah perkampungan di India Selatan

Agama Hindu boleh dikatakan menguasai keseluruhan kehidupan penganutnya yang kepercayaan animisma yang kuat, terutama kuasa-kuasa ghaib seperti kepercayaan kepada batu-batu dan pokok-pokok. Manakala di pihak yang lain pula percaya kepada falsafah-falsafah manusia sahaja. Orang-orang Hindu juga menyembah patung-patung yang mengwujudkan kebaikan yang Maha Kuasa, Brahma - Pencipta, Vishnu - Pelindung, Siva - Betara Kala, Nakshim - Dewi Kekayaan, Rendra - Dewa Hujan dan lain-lain lagi.

Dengan keyakinan dan kepercayaan bahawa teori-teori hidup kembali dikatakan manusia dilahirkan bekali-kali ke dunia ini. Kelebihannya beberapa kali itu ditetapkan oleh perangainya yang telah suddh. Ini berlaku beberapa kali sehingga ia mencapai Nirvana, iaitu satu keadaan yang dinikmati bila ia diserap ke dalam Maha Kuasa. Namun begitu agama Hindu agak sukar dimengerti oleh orang-orang yang bukan Hindu. Hindu adalah satu agama yang berusia lebih daripada 4,000 tahun dan telah berkembang kepada beberapa kelompok manusia yang memang tidak mudah difahami.

SISTEM KASTA

Kasta adalah satu kumpulan sosial, di mana anggota-anggotanya ditentukan oleh taraf kelahiran masing-masing.



Pemandangan Salah Sebuah Bilik Darjah Sekolah Rendah Kerajaan. Mereka belajar hanya bersela dilantai. Tiada perabut dibekalkan.

"Susunan kasta yang terdapat dalam bidang Ugama Hindu walaupun menjadi dasar kekuatannya pada zaman yang silam dan kelemahannya pada zaman moden ini adalah gelagat-gelagat yang berkuasa. Pada pandangan luar susunann ini akan menghairankan kerana kuat pegangannya di atas masyarakat Hindu" (2)

Seseorang Hindu jati, hidup dan mati dalam kastanya yang tertentu. Kastanya menegah seseorang itu berkahwin luar daripada lingkungan sendiri dan kasta juga menentukan mata pencariannya, hinggakan apa yang dimakan, minum dengan slapa pun dikawal oleh Undang-Undang Kastanya.

Kasta menyediakan latar belakang sosial kepada seseorang memberi ketetapan melindunginya dengan mendirikan tali-tali perhubungan yang rapi antara orang-orang sekasta. Dalam peradaban yang berasaskan ekonomi, mukim, di mana hasil-hasil digunakan untuk keperluan sendiri dan bukan untuk ditukar ganti dengan barang-barang lain. Susunan Kasta ini menentukan keamanan negara dan masyarakat. Tetapi oleh kerana sifatnya yang teguh lagi enggan bertukar, kasta-kasta ini sedikit demi sedikit mengikut peredaran masa telah memecah belahkan masyarakat Hindu pada keseluruhannya.

Jumlah kasta yang terdapat di India lebih daripada tiga ribu yang menjadi amalan dalam masyarakat orang-orang India. Tetapi terdapat empat Kasta yang besar dan paling dominan. Kasta-kasta tersebut ialah Kasta Brahmin atau Kaum Pedanda, Kasta Kasytria atau Kasta Pemerintah, Kasta Vaisyia, Kumpulan Perniagaan dan Kasta Sudra iaitu golongan Perhambaan.

Perbezaan warna kulit antara sipenakluk dan yang ditakluk atau antara "Dasyus Berkulit Hitam" dan "Penyerang Berkulit Puteh" telah menimbulkan perkataan "Varna" yang bermakna Kasta. Dengan Perkataan "Varna" atau dimengertikan "Warna" dalam Bahasa Malaysia ternyata penggunaan warna kulit dalam pembahagian Kasta-kasta di India. Golongan "Dasyus Berkulit Hitam" atau yang ditakluk adalah di bawah Kasta "Sudra" iaitu golongan yang terlindas di perintah supaya membuat pekerjaan-pekerjaan yang hina. Mereka ini diketepikan dan kedudukan mereka dalam masyarakat adalah di lapisan yang terbawah sekali dan dianggap sebagai Pencemar Masyarakat Kaum Atasan. Dari golongan-golongan inilah munculnya Kasta Pariah yang berjumlah hampir lima puluh juta orang di India.

Golongan Kasta Ksyatria atau golongan pemerintah mementingkan perkahwinan secara sesama suku untuk menyelamatkan darjah mereka. Kemudian diikuti oleh Kasta-Kasta yang lain.



Pelajar-pelajar Universiti ini sedang membuat Tesis mereka di bawah pokok di hadapan sebuah Kuil Hindu. Ada pelajar dalam bidang perubatan, Undang-Undang dan Pertanian

Mengikut peredaran masa penakluk kulit puteh ini secara perlahan-lahan meresap masuk dalam kebudayaan tempatan. Peraturan-peraturan adat, Puja Dewa-Dewa dijadikan agama. Dan hal ini pedanda atau Sami-sami mempunyai tugas yang penting. Hanya Sami-Sami ini yang mempunyai peranan penting dapat melaksanakan peraturan-peraturan dan melaksanakan ritual keagamaan dan mempunyai peranan sebagai orang perantara dengan dewa-dewa. Manakala Kasta Ksyatria yang tidak mempunyai kuasa dan pengetahuan dalam hal ini terpaksa tunduk kepada Kasta Brahman. Akhirnya Kasta Brahman lebih tinggi martabatnya atau golongan pemerintah. kasta Brahman juga mengamalkan perkahwinan sesama suku. Kemudiannya dalam beberapa abad kemudian ia menjadi kebiasaan dan sebagai rukun kehidupan di kalangan orang-orang India.

Sebagai rumusan bahawa faktor-faktor perbezaan warna kulit dan golongan penakluk menyebabkan wujudnya Kasta. Dalam aliran Sejarah berikutnya kita lihat kuasa-kuasa luar sering datang menyerang India terutama dari Asia Tengah. Orang-orang Arya, Scythia, Hun dan orang-orang Islam telah mengikuti jalan yang sama. Mereka membuat perjanjian dan dengan senang diterima oleh masyarakat yang sedia ada. Dengan demikian sebarang apa pembahagian pun dapat dilaksanakan kerana ia mudah menyerap masuk dan diterima. Di sinilah keunikian dan kekuatan Sistem Kasta Hindu yang pelek itu.



Di Selatan India, bangunan yang kerap kelihatan, paling besar dan paling tinggi ialah Kuil-Kuil Hindu

RUJUKAN

1. **Sejarah India**
CH Philips - Dewan Bahasa dan Pustaka 1966
2. **A History of South India**
Nilakanta Sastri - Oxford University Press - Madras, Delhi, Bombay, Culcutta 1994
3. **Tiger Sultan**
Rahman Azer - Nayab Publication Bangalore 1994
4. **South India**
Travel Guide - Kumari Art - Kanyakumari 1994